



قجابه قشاره تانه دان كمالين، ترمكانو.  
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
TERENGGANU,  
TINGKAT 11, WISMA DARUL IMAN,  
20200 KUALA TERENGGANU,  
TERENGGANU.

3  
Telefon: 09-631957 samb. 2308  
Fax : 09-634278

PTG.TR. G/05/1988/06/02 - (36)

Bertarikh: 5 Januari 1994  
Bersamaan: 23 Rajab 1414

Pentadbir Tanah, Kuala Terengganu.  
Pentadbir Tanah, Besut.  
Pentadbir Tanah, Dungun.  
Pentadbir Tanah, Hulu Terengganu.  
Pentadbir Tanah, Kemaman.  
Pentadbir Tanah, Marang.  
Pentadbir Tanah, Setiu  
Pengarah, Jabatan Perhutanan Negeri, Terengganu.

Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 1/1994.  
Kawasan Sempadan Antara Negeri.

Dengan hormatnya dimaklumkan iaitu satu Memorandum Persefahaman mengenai Penandaan dan Penetapan Sempadan Antara Terengganu dan Pahang telah ditandatangani pada 20.1.1992. Diantara perkara-perkara yang dipersetujui antara kedua-dua buah Negeri ialah:-

- i) Kawasan hutan selebar 100 meter dari garis sempadan bagi tiap-tiap Negeri yang akan ditentukan kelak, hendaklah dikekalkan sebagai Hutan Simpan dan dijadikan Simpanan Sempadan untuk kawasan tadah. Bagi kawasan-kawasan yang sama, yang melibatkan legeh utama, sebarang bentuk pembangunan tidak dibenarkan.
- ii) Bagi kawasan yang telah diberi Hakmilik Sementara, kawasan selebar tiga (3) meter dari garis sempadan kedua-dua negeri hendaklah dijadikan Simpanan Sempadan apabila Hakmilik Kekal dikeluarkan kelak.
- iii) Jabatan Perhutanan di kedua-dua Negeri dikehendaki menyelenggarakan rintisan selebar tiga (3) meter dari garis sempadan kedua-dua Negeri.

2. Sila ambil perhatian di atas persetujuan bersama yang dimksudkan apabila melupus dan membuat pengukuran lot-lot di sempadan antara Negeri Terengganu dan Pahang.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' NIK MOHD KHALID BIN KAMIL)  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Terengganu.

s.k.

Pengarah,  
Jabatan Ukur Negeri,  
Terengganu.

DNMK/amy  
arah194/dis3